

TARIKH	8 OKTOBER 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	IWK RANCANG TUKAR SISA KUMBAHAN JADI BAJA		
M/S	26 (BISNES)	KATA KUNCI	WASTE MANAGEMENT
BIDANG	WASTE		

IWK rancang tukar sisa kumbahan jadi baja

Indah Water Konsortium (IWK), pengendali pembetungan nasional, sedang merintis satu inisiatif ekonomi kitaran yang berpotensi mengubah landskap penguurusan sisa negara.

Syarikat itu merancang untuk menukar sisa enap cemar kumbahan kepada baja organik, satu langkah yang bakal mengubah pusat kos kepada aliran pendapatan baharu yang mampan.

Menurut laporan penyelidikan oleh BIMB Securities Research, IWK menghasilkan sekitar 300 tan enap cemar setiap hari di seluruh negara, di mana sebahagian besarnya kini dihantar ke tapak pelupusan sampah.

Inisiatif baharu ini bertujuan memanfaatkan sepenuhnya sisa itu sebagai sumber berharga, selari dengan usaha kerajaan menggalakkan amalan hijau dan mampan.

Melalui pemprosesan, 300 tan enap cemar lembap itu boleh ditukar menjadi kira-kira 70 hingga 80 tan baja setiap hari.

Sebagai bukti kesungguhan, IWK telah pun membangunkan sebuah loji pe-

rintis dengan kapasiti 5 tan sehari yang melibatkan pelaburan RM10 juta.

Loji perintis ini menjadi platform untuk menguji dan membuktikan kebolehlaksanaan teknologi berkenaan.

Produk baja yang dihasilkan atau biosolids, mempunyai kandungan NPK (nitrogen, fosforus, kalium) sekitar 4 peratus.

Walaupun sederhana, ia kaya dengan bahan organik yang sangat berkesan untuk memulihkan tanah yang telah rosak.

Sifatnya sebagai baja organik juga dapat membantu membalikkan kesan pengasidan tanah yang disebabkan penggunaan baja kimia secara berpanjangan.

Bagi memastikan kejayaan komersial produk ini, IWK dilaporkan sedang giat mengadakan perbincangan dengan syarikat perlombongan untuk mewujudkan permintaan pasaran.

Penganalisis melihat langkah ini sebagai sesuatu 'berpotensi transformatif' yang bukan sahaja menjana keuntungan tetapi juga meletakkan IWK sebagai pene-

raju utiliti ekonomi kitaran sepenuhnya dan juara alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) di Malaysia.

Inisiatif baja ini adalah sebahagian daripada strategi pertumbuhan strategik IWK yang lebih besar, termasuk dalam bidang tebus guna air.

Syarikat itu kini menyasarkan untuk membekalkan air terawat guna semula kepada pengguna industri, terutama kepada sektor pusat data (DC) yang berkembang pesat di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Johor.

Perancangan strategik ini hadir pada waktu yang tepat, iaitu ketika IWK mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan.

Buat pertama kali dalam sejarah penubuhannya, IWK berjaya merekodkan keuntungan selepas cukai (PAT) sekitar RM30 juta bagi tahun kewangan 2024.

Pencapaian ini didorong oleh pelarasan tarif berperingkat dan sokongan dana kerajaan, meletakkan syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbandakan (MOF Inc) ini di landasan yang lebih stabil.